

20 SEP 2000

Aziz-Kuiz/I

PEMENANG KUIZ SAINS KEBANGSAAN BERPELUANG LAWAT SWEDEN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Pemenang Kuiz Sains Kebangsaan 2000 berpeluang menghadiri Upacara Penyampaian Hadiah Nobel di Stockholm, Sweden pada 10 Dis.

Presiden jawatankuasa penganjur Kuiz Datuk Dr Aziz Kadir berkata pasukan yang juga berkesempatan menghadiri ceramah dan majlis jamuan yang membolehkan mereka menemui secara peribadi pemenang Hadiah Nobel itu.

"Pemergian mereka ke Sweden bagi menghadiri upacara penyampaian hadiah oitu adalah hasil kerjasama antara Kedutaan Sweden, Akademi Sains Sweden dan Akademi Sains Negara," kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Tahun lepas, pasukan yang menjuarai Kuiz Sains Kebangsaan dihantar ke Sweden untuk menghadiri upacara penyampaian hadiah dengan ditaja oleh Novo Nordisk Bioindustrial (M) Sdn Bhd, sebuah syarikat multinasional Denmark yang beroperasi di Taman Teknologi Malaysia.

Dr Aziz berkata, tahun ini, kuiz itu menarik penyertaan kira-kira 900 sekolah menengah dari seluruh negara dan empat sekolah dari zon yang berlainan dipilih ke akhir yang akan berlangsung pada 2 Okt.

Sekolah-sekolah itu ialah Sekolah Menengah Dato' Ahmad Mahir, Kelantan, Sekolah Menengah Alam Shah, Wilayah Persekutuan, Sekolah Menengah Raja Permaisuri Bainun, Perak dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tamparuli, Sabah.

Pada persidangan media itu, pengarah Novo Nordisk Bioindustry (M) Sdn Bhd, Hidesato Shimoto menyerahkan Trofi Perdana Menteri bagi Kuiz Sains Kebangsaan kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding.

Ketika berucap, Shimoto berkata kami menyifatkan Trofi Perdana Menteri dan Kuiz Sains Kebangsaan sebagai pemangkin ke arah wawasan yang lebih besar iaitu Hadiah Nobel. Syarikat sekali lagi akan menaja lawatan ke Sweden tahun ini bagi pemenang kuiz.

Duta Sweden Harald Bertil Falth yang juga hadir pada persidangan media itu memuji usaha Akademi Sains Negara menganjurkan kuiz itu sambil berkata ia merupakan langkah pertama ke arah merealisasikan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi Malaysia melahirkan pemenang Hadiah Nobel dalam bidang sains menjelang tahun 2020.

Selain melawat Sweden, sekolah yang muncul juara akan menerima Trofi Perdana Menteri, hadiah RM2,000 dan sijil penyertaan.

Pemenang tempat kedua, ketiga dan keempat, masing-masing akan menerima RM1500, RM1000 dan RM500 serta sijil sementara peserta terbaik keseluruhan akan menerima RM300.

-- BERNAMA

MLS ZS FAZ